

Cincin Belah Rotan Dari Songkhla



Oleh: Noorul Badariah binti Abd Majid

Lauk ayam masak merah kegemaran tidak mampu menarik selera Laila malam ini. Cincin belah rotan di jari manis ditatap penuh hiba. Masih menanti penjelasan dari mulut Datin Suria. "Mak tak tahu. Semua dokumen arwah abah yang simpan." Suara Datin Suria memecahkan suasana hening malam itu. Mak, ini bukan kali pertama. Sebelum ini dengan Daniel pun macam ni, lirik Laila perlahan.

Peristiwa lima tahun lalu, kembali hadir diminda Laila. Pelamin yang dirancang dibatalkan sebulan selepas kematian ayahnya, Datuk Lazim. Bukanlah sebab menghormati pemergian beliau, tetapi kerana isu yang lebih besar. Siapakah wali Laila? Isu yang tiada siapa dapat memberi jawapan itu menyebabkan keluarga pihak lelaki memutuskan pertunangan dengan alasan enggan ada hubungan dengan wanita yang tidak pasti nasab keturunannya. Laila sendiri buntu dan sentiasa menagih jawapan daripada Datin Suria. Namun, persoalan tersebut terus tergantung sepi tanpa jawapan dan demi menjaga hati emaknya, Laila hanya memendam sahaja.

Selama 30 tahun ini, dunia mengetahui Laila adalah anak perempuan sulung Datuk Lazim dan Datin Suria. Tetapi didalam sijil kelahiran Laila tidak ada butiran Datuk Lazim sebagai bapa. Jika ada yang tanya tentang harta warisan, harta Datuk Lazim diagihkan dengan cara wasiat dan hibah. Laila telah menerima 10% saham syarikat dan satu lot banglo yang sememangnya telah dihibahkan oleh Datuk Lazim kepadanya sebelum Datuk Lazim meninggal dunia. Maka dengan alasan itu, dia tidak dipanggil ketika proses pembahagian pusaka. Arggggh buntu rasanya, kenapalah sewaktu melihat sijil kelahirannya Laila tidak pernah bertanya tentang kekosongan di ruangan bapa.

"Istikharah cinta memanggilku...." Nada dering telefon bimbit Laila berbunyi dan dengan lemah Laila menjawabnya.

"Assalamualaikum, Laila. Buat apa? Sudah makan?" Suara Faiz terdengar ceria di sana. Aduhai, adakah dia tidak merasai kekusutan aku? Gumam Laila dalam hati.



Cincin Belah Rotan Dari Songkhla



Oleh: Noorul Badariah binti Abd Majid

"Risau pasal isu wali tu lagi ke? Mak ada cakap apa-apa?" Soalan bertalu-talu dari Faiz menyebabkan air mata Laila laju mengalir. Risau sejarah lima tahun dulu berulang.

"Jangan menangis. Kita selesaikan bersama. Saya dah dapatkan nasihat daripada peguam syarie untuk masalah kita ni. Lusa ambil cuti ya, kita jumpa dengan beliau." Mungkin kerana hanya mendengar esakan nangis ku, Faiz bersuara lagi, "Tak perlu cakap apa-apa dan sekarang pergi tidur, esok kita makan tengahari sama. Banyakkan zikir 'hasbuna Allah wa nikmal wakil' ya." Tut Tut panggilan dimatikan. Begitulah Faiz lelaki tenang dan begitu qawwam di mata Laila.

"Tuan peguam syarie?" Tanya Laila kepada susuk sorang lelaki muda di hadapannya.

"Ya." jawabnya pendek sambil menghirup air sirap bandung dihadapannya. Kemudian beliau menyerahkan satu dokumen yang tertulis draf affidavit permohonan wali Hakim. Setelah menyemak setiap butiran dan membuat sedikit pindaan pada draf tersebut, dengan dada yang sebak menahan air mata, Laila menyerahkan kembali draf affidavit dan terus minta izin ke tandas meninggalkan lelaki tersebut bersama Faiz dengan segera. Rasa berat untuk mengakui beliau terpaksa bernikah dengan berwalikan wali Hakim.

"Eh, mana peguam syarie tadi?" Tanya Laila kepada Faiz.

"Oh dia dah balik." Sambil menghulurkan mangkuk asam pedas kepadaku.

"Minggu depan insya-Allah kita akan ke Mahkamah Syariah ye untuk permohonan wali Hakim ni, dan cubalah pujuk mak untuk hadir bersama." Laila hanya mengangguk lemah. "Ok tak mengapa nanti saya jumpa mak dan cuba fahamkan mak ya." Suara Faiz tenang dan melegakan.

Cincin Belah Rotan Dari Songkhla



Oleh: Noorul Badariah binti Abd Majid

"Saya malulah bernikah dengan menggunakan wali Hakim," perlahan suara Laila yang menundukkan pandangannya. Nasi dan lauk asam pedas mayong kelihatan berbalam-balam apabila pandangannya diganggu dengan air mata yang semakin rancak mencuba untuk keluar. Faiz hanya menghela nafas panjang tanpa berkata apa-apa.

"Puan, boleh ceritakan mengenai pernikahan Puan dengan Almarhum suami Puan?" Perintah Hakim Syarie kepada Datin Suria. Mata Datin Suria yang sebentar tadi merenung kosong menatap buku dan kitab-kitab berkulit tebal tersusun rapi di belakang Hakim Syarie tersentak mendengar suara tegas Hakim. Suasana sejuk dari penyaman udara tidak mampu menyamankan dirinya. Datin Suria sangat malu. Syukurlah perbicaraan kes permohonan wali Hakim Laila ini dibuat didalam kamar hakim.

Pegum syarie telah memohon kepada hakim dengan menggunakan alasan untuk menjaga maruah Almarhum suaminya yang sememangnya dikenali ramai. Demi menjaga aib dan maruah, mahkamah telah meluluskan permohonan pegum syarie. Melihat wajah sugul Laila, dan teringatkan peristiwa lima tahun lalu yang memberi kesan mendalam dalam hidup Laila untuk bangkit kembali seperti hari ini, dengan selaan nafas yang panjang, Datin Suria menceritakan kepada Mahkamah,

"Saya telah bernikah dengan Almarhum suami saya, Datuk Lazim di Songkhla pada 14 Februari 1992 dengan menggunakan wali hakim. Kami bernikah secara senyap kerana tidak mahu isteri pertama mengetahui akan pernikahan kami."

"Siapa lagi saksi yang tahu tentang pernikahan ini?"

"Tiada tuan Hakim. Hanya kami berdua ke Songkhla dan semua urusan diputuskan oleh kenalan Almarhum suami saya di sana."

"Kenapa apabila pulang ke Malaysia tidak membuat pendaftaran di mana-mana Pejabat Agama?"



Cincin Belah Rotan Dari Songkhla



Oleh: Noorul Badariah binti Abd Majid

"Almarhum suami saya risau jika rahsia ini pecah dan menyebabkan perkahwinan pertama beliau akan terkesan. Saya juga telah berjanji untuk tidak akan menuntut lebih dari apa yang beliau sudah berikan pada saya." Seketika Datin Suria teringat setelah sebulan kematian Datin Kamariah, Datuk Lazim mengumumkan beliau akan bernikah baru dan memperkenalkan dirinya sebagai pengganti. Sekaligus beliau mendapat gelaran 'Datin'. Tetapi bagi anak-anak Almarhum Datin Kamariah, dia dan Laila, yang ketika itu berusia lima tahun, tetap perampas. Sehingga hari ini mereka tersisih jauh dari keluarga tersebut.

"Baik Puan, pada sesi perbicaraan akan datang, sila kemukakan dokumen pernikahan Puan di Songkhla untuk mahkamah menilai." Suara Hakim membuatkan Datin Suria kembali ke hari ini. Kelihatan wajah Laila berkerut-kerut penuh persoalan.

"Laila, turun ke bawah kejap kita ada tetamu." Panggil Datin Suria. "Kenalkan ini Abang Lokman, anak sulung abah dengan mak tua."

"Apa khabar laila? Ini kali pertama kan kita bertemu? Tapi abang dah pernah tengok dan tahu tentang Laila dari arwah abah." Suaranya mendatar tapi persis arwah abah. Lalu beliau menyerahkan satu sampul surat kepada Laila. Alangkah terkejutnya apabila didalamnya adalah sijil nikah arwah abah dan emak.

"Maaf kerana menyimpan dan tidak menyerahkan salinan sijil nikah ini kepada Mak Uda. Ini kerana arwah abah menguruskan pendaftaran nikah ini sendiri tanpa memaklumkan kepada saya. Saya terima daripada peguam syarie abah tetapi kerana ketika itu terlalu sibuk saya terlupa. Terima kasih Mak Uda menghubungi saya bertanyakan dokumen pernikahan di Songkhla. Ketika itu baru saya teringat perintah mahkamah yang peguam syarie serahkan dulu dan saya difahamkan hanya Mak Uda sahaja yang menghadiri prosiding pendakwaan kerana bernikah di luar negara tanpa kebenaran di Mahkamah Syariah. Syukurlah hanya didenda dan tiada hukuman penjara. Jika tidak pasti saya akan dihimpit rasa bersalah." Suara Abang Lokman kedengaran perlahan dan nampak mukanya penuh kesal.

Cincin Belah Rotan Dari Songkhla



Oleh: Noorul Badariah binti Abd Majid

Kemudian Abang Lokman memandang Laila dengan senyuman. "Tahniah dan selamat pengantin baru. Insya-Allah abang boleh menjadi wali kepada pernikahan Laila nanti." Katanya lembut.

"Mak minta maaf sayang," suara Datin Suria memecah kesunyian ruang tamu setelah kepulangan Lokman. Laila yang sedang membelek-belek sijil nikah abah dan maknya mengangkat muka dan tersenyum. Senang hati kerana pernikahan mereka nanti tidak perlu berwalikan wali hakim, kerana dia adalah anak sah taraf dan Abang Lokman sedia menjadi wali kepada pernikahan dia dan Faiz. Bukan mudah rupanya berpoligami ini, apatah lagi berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah Syariah dan pernikahan pula di luar negara tanpa kebenaran. Banyak kesan buruknya. Lihat sahaja apa yang berlaku pada diriku, keluh Laila di dalam hati.

Teringat pesan Faiz padanya tempoh hari. Islam membenarkan perkahwinan dan poligami dengan syarat tertentu, namun ia juga menuntut keadilan, tanggungjawab, dan pematuhan kepada undang-undang yang ditetapkan pemerintah. Sebab itu, sebelum bernikah, dapatkan nasihat pihak berautoriti, fahami prosedur Mahkamah Syariah dan paling penting elakkan keputusan terburu-buru yang membawa mudarat jangka panjang. Seketika bunyi kompang dan kemeriahan majlis memenuhi ruang minda Laila.

-TAMAT-